

Pengaruh pekerja asing dikhuatiri ubah sendi budaya Melayu

Menambah 1.5 juta lagi buruh asing bererti mengundang zaman mudarat negara bangsa

BH
4/7/2015
M/S 32



DR RAIS
YATIM

Kalau benarlah kerajaan serius hendak membawa masuk 1.5 juta lagi pekerja Bangladesh bagi tempoh berjadual akan datang, bersedialah menerima perubahan negatif kehidupan di Malaysia dengan cepat. Mengimport manusia seramai itu akan sekali gus mencetuskan risiko sosiobudaya, di samping cabaran keselamatan dan ekonomi paling getir. Realiti pepatah Melayu nanti akan terjadi: dedalu hidup, yang mati pokok.

Perubahan itu juga akan memudaratkan perimbangan hidup dan budaya di tanah air. Akulturasi budaya akan berlaku yang mana budaya mendatang akan beransur menjadi dominan dan budaya atau cara hidup masyarakat Malaysia sebagai penampung akan lemah diri dan lemah nilai.

Dengan pengaliran masuk manusia seramai itu akan menimbulkan persoalan keselamatan negara-bangsa dan keutuhan undang-undang Perlembagaan Persekutuan dan Negeri. Kemasukan seramai itu akan menjejaskan perimbangan kehidupan, prasarana sosial seperti pendidikan, kesihatan awam, jenayah dan paling menakutkan perubahan sendi budaya negara bangsa, khasnya budaya Melayu.

tukang gunting dari India. Malah, kontraktor dan pemaju bangunan sederhana sudah diambil alih oleh mereka; jualan sayur import, tukang kasut pun sudah tak ada Melayu. Pembinaan bangunan dari rumah kampung, rumah kedai hingga pencakar langit – semuanya oleh mereka dari Bangladesh dan Indonesia. Pembantu rumah dan penjual roti bermotor – semuanya sudah diambil alih. Membuat reban ayam pun mereka.

Dari segi sentuhan sosial pula, rupawan wanita dari China banyak bersarang di bandar besar kita. Sekali sekala ada serbuan dibuat, tapi kebanyakan masa penguat kuasa sendiri semacam tak upaya bertindak kerana jumlah yang datang dari tanah besar China kian meningkat.

Mungkin atas keinginan hendak melonjakkan data kunjungan pelancongan, ini berlaku. Kebanggaan bahawa 25 juta pelancong datang saban tahun sebenarnya angka yang harus dipersoalkan dari sudut faedah sebenar? Berapa sebenarnya pendapatan ringgit pelancongan itu masuk ke poket orang Melayu-Bumiputera?

Boleh disimpulkan bahawa selain kerja khidmat dengan kerajaan, yang lainnya sudah dimonopoli pekerja asing. Membaiki kasut dan mem-

ISU PENDATANG ASING
2 JUTA 'GHAIB'
1.5 JUTA NAK
DIBAWA
MASUK

SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan
Kumpulan NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@bh.com.my

Pengarang
Kumpulan BH
Datuk Mahfar Ali
mafa@bh.com.my

Timbalan Pengarang
Kumpulan BH
Badrulhisham Othman
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Pengeluaran Percetakan & Digital
Rosli Safar
roslis@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Berita/Rencana/Digital
Ahmad Zaini
Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my

BH
diterbitkan oleh The New
Straits Times Press (M) Bhd,
31, Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur,
Tel: 1-300-22-6787
Faks: 03 20567081
Laman Web:
www.bharian.com.my
E-mel:
bhrencana@bh.com.my

Dengan kemasukan itu akan ada perubahan total kepada cita rasa asas kenegaraan dan kebangsaan. Politik orang Melayu khususnya juga akan terpesong kepada corak sampingan. Apakah ini semua tidak penting lagi?

Sekarang pun sudah diakui ada tujuh juta pekerja asing bergelumang dengan warga kita. Di kedai makan, restoran, ladang, stesen minyak, perhentian bas dan merata premis yang lain; mereka lekas dan pandai menyesuaikan diri lantaran kesusahan hidup yang amat sangat di negara asal mereka.

Mereka boleh berbahasa Melayu dalam tempoh yang singkat. Dalam kalangan yang berada di negara ini lebih 10 tahun orang Bangladesh sudah mula dipanggil mamak, terutama melalui kedai dan gerai makanan. Perkahwinan dan perkelaminan Bangla-Melayu sudah berproses lama dan masyarakat panggilan Mangla sedang muncul.

Kuasai perniagaan

Mereka ada di pasar runcit, pasar borong, di lorong jual pakaian di sebelah Jalan Tuanku Abdul Rahman, di Kuala Terengganu, Ipoh, Seremban dan sebut saja tempatnya – mereka ada. Pendatang dari Indonesia juga tak kurang hebatnya.

Malah banyak tempat niaga yang dulunya dikuasai orang Melayu atau Melayu-Cina kini sudah diambil alih. Macam mana permit boleh diberi untuk meneruskan perniagaan sedemikian, kita tak tahu. Tapi pergilah ke Jalan Chow Kit, ke Selayang – hal ini sedia terpampang di mata. Mungkin mirip situasi seperti yang berlaku di Cameron Highlands?

Kedai gunting rambut diambil alih oleh

buat baju Melayu untuk Hari Raya pun kita sudah tak upaya. Yang jelas ialah orang Melayu sudah tidak mampu hendak menggalas kehidupan yang boleh dibuat oleh tujuh juta manusia ini.

Kita terlalu berhemah

Kebergantungan negara dan rakyatnya terhadap mereka kian meningkat. Belum ada jalan atau kaedah yang diumumkan melainkan hendak menambah lagi warga asing ini

“
Dengan pengaliran masuk manusia seramai itu akan menimbulkan persoalan keselamatan negara-bangsa dan keutuhan undang-undang Perlembagaan Persekutuan dan Negeri. Kemasukan seramai itu akan menjejaskan perimbangan kehidupan, prasarana sosial seperti pendidikan, kesihatan awam, jenayah dan paling menakutkan perubahan sendi budaya negara bangsa, khususnya budaya Melayu”